

BAB II

STRUKTUR PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM PAHANG (1)

I) Badan-Badan Pentadbir Undang-Undang Islam dan Fungsi-Fungsinya

Undang-undang Islam negeri Pahang telah dibentuk sebegitu bersistem sekali hasil daripada pengaruh dan campurtangan Inggeris. Ugama Islah juga telah dijadikan ugama resmi negeri.¹ Justeru itu maka dibuat ketetapan kepada suatu badan khas untuk menjalankan segala urusan bersabit dengan undang-undang Islam dan pemakaiannya kepada orang-orang Islam negeri ini (Lihat jadual II(a)).

Keseluruhan undang-undang Islam yang terpakai hinggalah hari ini berdasarkan Undang-Undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, (Bilangan 5) 1956. Keseluruhan undang-undang itu tertumpu kepada perkara-perkara pentadbiran Majlis Agama, Jabatan Agama seperti perkara perkahwinan, dan harta serta peruntukan kesalahan-kesalahan bersabit dengan perkara jenayah atau mal (civil). Untuk mentadbirkan hal-hal ini dua buah badan telah dibentuk (lihat jadual A hal. 23).

1. Undang-Undang Tubuh Negeri Pahang, 1948.

(A) Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang

Iaitu adalah suatu badan khas yang berasingan kuasa daripada kerajaan negeri. Ia berbentuk sebuah badan berkanun dengan mempunyai undang-undang tubuh sendiri.

(B) Jabatan Agama Islam

Jabatan ini adalah suatu badan dibawah pentadbiran kerajaan negeri Pahang dengan mempunyai pegawai yang terdiri daripada kakitangan kerajaan. Segala hal dan urusan Jabatan ini ditanggung oleh kerajaan negeri.

Kedua-dua badan ini bertanggungjawab kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam hal-hal ugama Islam dan adat istiadat Melayu Pahang.

II) Pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang

Pejabat Agama telah ditubuhkan pada tahun 1951 untuk antara lain tugasnya ialah mengelolakan Sekolah-sekolah Quran dan sebagainya. Di tahun yang sama juga dua (2) jawatankuasa kecil yang bersabit telah ditubuhkan:

- (a) Jawatankuasa Kecil Agama yang dipengerusikan oleh Tengku Besar Pahang.

- (b) Jawatankuasa Kecil Adat dan Istiadat Melayu yang dipengerusikan oleh Tengku Ariff Bendahara, Pahang.

Jawatankuasa ini bertugas memberi pandangan dan fikiran di lapangan masing-masing apabila mendapat sesuatu masalah yang dikemukakan. Suatu mesyuarat diadakan dan keputusan mesyuarat itu dihantar kepada Sultan untuk diputuskan.

Di waktu-waktu itu Majlis diketuai oleh Menteri Besar, sementara Ketua Jabatan Agama cuma sebagai Setiausaha sahaja. Setiausaha berfungsi menerima aduan-aduan atau masalah mengenai adat-adat Melayu. Kemudian didaftar dalam minit dan disampaikan kepada Yang di Pertua Majlis berserta dengan pandangan-pandangannya. Jika Yang di Pertua berpendapat keputusan harus diambil dari mesyuarat Majlis, maka ia akan memerintahkan Setiausaha untuk mendapatkan pandangan dari jawatankuasa kecil itu. Setelah keputusan Majlis disahkan oleh Sultan, ia diserahkan kembali kepada Majlis untuk pelaksanaannya.

Di dalam keadaan sekarang Menteri Besar bukan lagi menjadi Yang di Pertua secara *ex officio* tetapi Ketua Jabatan Agama. Sementara jawatan Setiausaha khususnya diadakan mengikut peruntukan sekarang.¹

1. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, Bil. 5, 1956, seksyen 14.

III) Badan Pemesyuaratan Majlis Agama Islam dan Adat

Istiadat Melayu Pahang

Badan ini merupakan sebuah badan berkanun dibawah kekuasaan Sultan. Ia tertakluk kepada Undang-undang Tadbir Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, tahun 1956.

Badan ini terdiri daripada sembilan orang ahli jawatankuata yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan Agama sebagai Yang di Pertua. Para ahli-ahli dikenali sebagai 'Ahli Majlis' yang dilantik pada tiap-tiap tiga (3) tahun sekali beserta dengan surat perlantikan resmi. Sultan boleh melantik semula ahli-ahli ataupun menggantikannya dengan orang lain. Mengenai Mufti dan Yang di Pertua Majlis mereka secara otomatis menjadi ahli Majlis berdasarkan jawatan mereka (ex officio).

Perlantikan ahli-ahli berdasarkan kepada umur yang sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) tahun, beragama Islam dan berbangsa Melayu. Orang-orang bukan Melayu tidak boleh mencampuri hal mesyuarat ini.²

Ahli-ahli boleh meletakkan jawatan secara memohon kepada Sultan, menerusi Yang di Pertua dengan menyatakan sebab-sebabnya. Jawatannya akan gugur jika ia keluar negeri lebih dari tiga bulan tanpa kebenaran Yang

2. Ibid, seksyen 14.

di Pertua.³ Para ahli yang berkelakuan buruk seperti tidak memnaikan kewajipannya, tidak upaya dan lain-lain hal bersangkutan dengan kelakuan-nya, boleh menyebabkan keahliannya terlucut. Ketidakhadiran lebih dari tiga kali berturut-turut tanpa kelulusan Yang di Pertua juga boleh menyebabkan jawatannya terlucut. Baginda Sultan akan melantik seorang lain sebagai pemangku kepada ahli-ahli yang keluar negeri buat sementara atau tidak hadir dengan kebenaran Yang di Pertua.

IV) Mesyuarat Majlis

Mesyuarat diadakan sekali sebulan atau pada tiap-tiap tiga bulan sekali. Setiap ahli mesti hadir. Ahli-ahli yang hadir mendapat elaun \$25.00 sehari yang dibayar dari wang peruntukan 'Perbelanjaan Mesyuarat Majlis'. Kerajaan Negeri memberi bantuan sebanyak \$8,500.00 kerana belanja mesyuarat ini setahun.⁴ Mesyuarat boleh dijalankan bila-bila masa atas permintaan Yang di Pertua atau dengan permintaan empat ahli Majlis lain dengan memberitahu kepada Setiausaha sebab-sebab mesyuarat itu diadakan. Dalam tempoh 14 hari Setiausaha akan memanggil mesyuarat kecuali di dalam hal-hal darurat dimana masa panggilan itu dipendekkan.⁵

3. Ibid, seksyen 15(1), b, c.

4. Majlis Ugama Islam Pahang, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan tahun 1976.

5. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 22(1), 2, 3 & 4.

Yang di Pertua dilantik menjadi pengerusi. Boleh juga dilantik antara ahli-ahli menjadi pengerusi jika Yang di Pertua tidak hadir. Jika Duli Yang Maha Mulia Sultan hadir, baginda sendiri akan menjadi pengerusinya. Mesyuarat hanya boleh dijalankan jika satu pertiga daripada bilangan ahli-ahli hadir.⁶ Perkara-perkara yang diperbincangkan adalah rahsia kecuali Duli Yang Maha Mulia Sultan, Menteri Besar atau ahli-ahli yang tidak hadir yang berhak untuk mengetahuinya.⁷

Keputusan mesyuarat dicatat di dalam Catitan Mesyuarat dan akan disahkan pada mesyuarat berikutnya. Salinan sah diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan persetujuan baginda.⁸ Sebarang pindaan akan diberitahu kepada Yang di Pertua secara bertulis dengan segera.

Pada kebanyakan hal, Majlis membincangkan perkara-perkara dasar seperti kewangan dan sebagainya. Selain dari itu Majlis bertindak juga sebagai penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan pada perkara-perkara adat dan undang-undang Islam. Ia merupakan badan tertinggi hal-ehwal agama Islam dan bertanggungjawab kepada Sultan yang mana sebagai Ketua Ugama negeri.⁹

6. Ibid, seksyen 19 & 20.

7. Ibid, seksyen 28.

8. Ibid, seksyen 22(c), 1, 2 & 3.

9. Ibid, seksyen 30.

Pada segi pentadbiran fungsi-fungsi Majlis ini begitu meyakinkan. Persoalan yang patut diperhatikan ialah kelayakan para ahli Majlis yang pada umumnya tidaklah sebenarnya benar-benar berkelayakan agama ataupun mahir tentang agama. Perlantikan ahli-ahli (kecuali Mufti dan Yang di Pertua) semata-mata berdasarkan keturunan dan pandangan masyarakat.

V) Yang di Pertua

Sebelum Undang-undang Tadbir Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1956 diadakan Menteri Besar telah dilantik menjadi Yang di Pertua (secara *ex officio*). Pada tahun 1960 tiada ketetapan di dalam Undang-undang Tadbir Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang mengenai siapakah yang boleh dilantik menjadi Yang di Pertua. Oleh itu terpulanglah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantiknya.¹⁰ Menurut ketetapan sekarang Duli Yang Maha Mulia Sultan akan melantik Ketua Jabatan Agama menjadi Yang di Pertua secara otomatis atau perlantikan mengikut *ex officio*. Inilah caranya hingga sekarang.

Yang di Pertua diberi surat tauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan dua fungsi utama:-

- (a) Sebagai ketua institusi agama yang tertinggi dan bertanggungjawab terhadap maju mundur Islam dan kesuciannya dalam negeri ini.

10. Ibid, seksyen 30.

- (b) Bertanggungjawab mengetuai mana-mana mesyuarat Majlis kecuali jika Duli Yang Maha Mulia Sultan hadir.

Segala perhubungan antara Yang di Pertua (bagi pihak Majlis) dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melalui Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan.¹¹ Mesyuarat diadakan seminggu selepas dijalankan langkah-langkah itu untuk pengesahan. Lulus atau tidaknya mesyuarat itu bergantung kepada pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Yang di Pertua juga mempunyai hak mengundi terutama apabila didapati keputusan undian yang sama. Undi pemutusnya itu melebihi kuasa undi-undi ahli-ahlinya lainnya terutama sekali apabila didapati undian yang sama banyak.

Yang di Pertua mempunyai sekim gaji khas dan dibayar oleh Kerajaan Negeri. Atas jawatan ini ia mendapat elaun \$200/- sebulan.¹²

VI) Setiausaha Majlis

Sebelum tahun 1960 jawatan ini dipegang oleh Ketua Jabatan Agama, kemudiannya telah diubah kepada suatu jawatan tetap dan tersendiri. Jawatan

11. Op-cit., seksyen 23(1), 2(2).

12. Anggaran perbelanjaan tahun 1976, Majlis Ugama Islam Pahang, diluluskan oleh Raja, dlm. J.U. Phg(M)49/75.

ini termasuk di dalam bahagian Kakitangan Majlis iaitu digaji oleh Majlis dan bukan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu terdapat skim gaji khas untuk jawatan itu (lihat jadual tanggagaji).

JADUAL I

SKIM TANGGAGAJI KAKITANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM

TAHUN 1976

Jawatan	Tingkatan Gaji
1. Setiausaha	400 x 25 - 450/480 x 40 - 600/640 x 40 - 920.
2. Pegawai Kerani Kanan	600 x 25 - 800
3. Pengelola Sekolah	400 x 25 - 450/480 x 40 - 800
4. Pegawai Zakat	400 x 25 - 450/480 x 40 - 800
5. Perkhidmatan Kerani	220 x 15 - 250/275 x 25 - 550/575 x 25 - 725
6. Jurutaip	Ting: III 170 x 10-200/Ting: II 215 x 15 - 275 Ting: I 300 x 25 - 350
7. Budak Pejabat	115 x 5 - 150/155 x 5 - 160

Sumber: Anggaran Perbelanjaan Tahun 1976, Majlis Agama Islam Pahang

Setiausaha Majlis bertugas sebagai pegawai kerja (executive officer). Selain dari itu ia juga menjaga hal-hal kewangan Majlis, menyediakan perkara-perkara mesyuarat, anggaran perbelanjaan Majlis, penyata odit, mengawasi bangunan-bangunan dan kawasan pejabat Majlis, kerja-kerja kakitangan pejabat, rekod kakitangan, dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan pejabat berserta lain-lain tugas yang ditetapkan oleh Yang di Pertua.¹³ Secara kasar bolehlah dibahagikan kepada tiga tugas utama:

1) Kewangan

Setiausaha bertanggungjawab menyiapkan buku kira-kira kewangan (cash book) anggaran perbelanjaan Majlis tiap-tiap tahun, penyata odit, penyata bank dan sebagainya. Punca-punca kewangan didapati dari fitrah, zakat, sewaan harta, baitul-mal, wakaf dan nazar. Penanaman modal, khairat dan bantuan kerajaan. Kutipan ini untuk gaji kakitanga, bantuan Sekolah Agama Rakyat, mesjid-mesjid, surau, kelas membaca Quran dan lain-lain lagi.¹⁴ Dari jadual itu ada terdapat sumber-sumber kewangan seperti penanaman modal, rakan pembinaan rumah kedai dan sebagainya. Kira-kira ini diperlukan oleh Juru Odit Negara.¹⁵

13. Minit Bil.(4)dln.J.U. Phg(M)31/63 (27.1.70).

14. Lihat jadual 2, ibid.

15. Warta Kerajaan Pahang, Bil.2, Jilid 24 (21.1.71).

ii) Urusan Pejabat

Setiausaha mempunyai kedudukannya sebagai penyambung antara ahli Majlis dan Yang di Pertua sebagai membuat dasar dengan kakitangan Pejabat Majlis yang menjalankan dasar itu. Segala urusan Pejabat dan yang bersangkutan dengannya diuruskan oleh Setiausaha.

iii) Urusan Mesyuarat

Ia juga bertindak sebagai Setiausaha Permesyuaratan seperti Setiausaha Majlis Permesyuaratan negeri dan sebagainya. Oleh itu segala hal-hal yang bersabit dengan mesyuarat atau keputusan-keputusan mesyuarat diumumkan olehnya.

VII) Pegawai Zakat

Pegawai zakat juga salah seorang daripada kakitangan Majlis dengan peruntukan skim gaji yang khas.¹⁶ Pegawai ini bertugas memberi penerangan mengenai zakat, fitrah, baitul-mal, membuat laporan kepada Yang di Pertua mengenai pendapatan padi yang patut dikeluarkan, zakat, pendapat baitul-mal dan orang-orang yang engkar mengeluarkan zakat dan fitrah. Ia juga

16. Lihat jadual I.

bertanggungjawab tentang kesempurnaan pengutipan zakat fitrah dan baitul-mal dan menyiapkan penyata kira-kira kutipan tiap-tiap perkara itu dan rekodnya.

VIII) Zakat Dan Fitrah

Menurut Prof. Ahmad Ibrahim, zakat merupakan pemberian sesuatu yang berupa sedekah mengikut hukum syara'. Fitrah merupakan bayaran kerana agama yang dibayar setahun sekali dalam bulan puasa. Bayaran tidak berdasarkan kepada banyak pendapatan tetapi berdasarkan kepada kepala atau jumlah bagi sebuah famili.¹⁷ Oleh itu ia merupakan tugas Majlis yang terpenting sekali.

Zakat dikenakan kepada orang-orang yang punya pendapatan lebih dari yang ditentukan oleh Syarak (pada masa sekarang Majlis lebih beratkan Zakat Padi sahaja sebagai tanaman makanan).

Fitrah dikenakan kepada semua orang Islam.

Mengenai fitrah dan zakat 'Peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah' telah dibuat. Antara peraturan yang ditetapkan ialah siapa yang wajib membayar dan nilai yang seharusnya dikeluarkan, perlantikan amil, tanggungan dan kuasanya, kuasa Kadi dan Yang di Pertua bersabit dengannya.¹⁸

17. Prof. Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Sociological Research Institute Ltd., S'pore, 1965, hal. 387-399.

18. Kaedah Zakat dan Fitrah, 1970.

Sebelum tahun 1960, kutipan zakat dan fitrah tidak mendatangkan keuntungan disebabkan cara kutipan yang tidak sistematis. Amil-amil dibenarkan mengambil sebahagian daripada jumlah kutipan. Ini seolah-olah menyekat sama sekali ahli asnaf lainnya daripada mendapat hak sebenarnya. Juga orang dahulu lebih suka memberi zakat dan fitrah kepada tok-tok guru dan lebai kerana lebih berkat dan murah daripada diberikan kepada amil. Sedikit sebanyak keadaan ini masih terdapat lagi di daerah-daerah pedalaman.

Aliran kutipan zakat dan fitrah tidak stabil antara tahun ke tahun. Pada tahun 1969 kutipan zakatnya \$19,146.91 dan fitrahnya \$221,459.00. Pada tahun 1970 kutipan zakatnya berkurangan \$17,175.60 dan fitrahnya \$225,133.00. Pada tahun 1975 zakat memperolehi \$39,000.00 dan fitrah \$357,000.00.¹⁹ Ketidakstabilan hasil pungutan itu mungkin berpunca:

- a) Zakat padi bergantung pada faktor-faktor alam. Sekiranya berlakunya banjir, serangan musuh padi dan sebagainya bermakna hasil tidak dapat dikira sebanyak yang dijangkakan.
- b) Adanya perimbangan dan tandingan harga getah dan kelapa sawit sebagai hasil pencarian utama.

19. Maklumat Penting, Jabatan Ugama, 1976.

Mengenai fitrah pula, kutipannya kastan pada tiap tahun. Malah pada tahun 1975 lalu pendapatannya meningkat. Pertambahan ini berkait dengan pertambahan penduduk, lebih-lebih lagi di masa ini Pahang telah membuka lebih banyak rancangan-rancangan FELDA yang kebanyakan penerokanya datang dari luar negeri Pahang.

JADUAL 2

BILANGAN AMIL DARI TAHUN 1963 - 1973

Tahun	Bilangan Amil
1963	403
1964	401
1965	407
1966	417
1967	449
1968	463
1969	465
1970	470
1971	507
1972	528
1973	560

Sumber: Maklumat Penting Jabatan Agama, 1976.

Bilangan Amil bertambah setiap tahun dalam jangkamasa sepuluh tahun itu. Pertambahan ini bersabit dengan sebab-sebab:

- a) Terbukanya beberapa buah kampung baru, tanah rancangan FELDA dan sebagainya.
- b) Pertambahan pada kampong-kampong yang lebih besar untuk mempercepatkan proses pengutipan hasilnya.

Pada tahun 1976 ini sahaja, 650 orang Amil telah dilantik berbanding dengan tahun 1973 sebanyak 560 orang sahaja.²⁰

Yang di Pertua memberi surat kuasa kepada amil-amil untuk menjalankan pemeriksaan ke atas pendapatan padi seseorang apabila telah sampai nisabnya iaitu 400 gantang. Ia akan membancai dan mendaftar mereka-mereka itu dan memberitahu Kadi Daerah dalam masa lima belas hari (15) dari tarikh pemeriksaannya. Ia juga melapurkan kepada Kadi pihak-pihak yang engkar membayarnya. Setiap kutipan akan diberikan resit resmi.

Kutipan fitrah dijalankan pada awal bulan Rejab tiap-tiap tahun. Salinan kutipan dihantar kepada Kadi lima belas hari (15) dari tarikh

20. Maklumat Penting, Jabatan Ugama 1976, op-cit., hal. (?)

akhir banci. Segala kutipan diserahkan kepada Kadi atau pegawai yang dilantik oleh Majlis dalam tempoh sepuluh hari (10) dari tarikh akhir kutipan itu.

Amil mendapat $\frac{1}{4}$ bahagian daripada jumlah kutipan dengan menggunakan borang yang disediakan. $\frac{1}{4}$ ini dibahagikan dua lagi, $\frac{1}{2}$ sebagai upahnya dan $\frac{1}{2}$ sebagai bayaran kepada 'asnaf'. Pada tahun 1976 ini lebih-kurang \$6,600.00 telah dibayar sebagai pemberian kepada amil-amil.²¹ Lebihan hasil kutipan zakat dan fitrah digunakan untuk perbelanjaan Majlis seperti pentadbiran, pengangkutan dan lain-lain lagi.²²

Dalam hal penerangan, Pegawai Zakat menjalankan tugas-tugasnya secara:

- a) Melawat ke kampung-kampung, ke mesjid-mesjid mengadakan khutbah dan sebagainya.
- b) Melalui amil-amil, pegawai-pegawai masjid dan guru-guru sahaja.
- c) Menggunakan poster-poster dan lain-lain.

21. Ibid, hal. 4.

22. Lihat jadual 4, ibid.

JADUAL 3

ANGGARAN PERBELANJAAN MAJLIS 1975 - 1976

Perkara	Tahun 1975	Tahun 1976
1. Pentadbiran	9,690.00	10,190.00
2. Pengangkutan dan perjalanan	18,00.00	18,000.00
3. Bayaran kepada Amil dan fakir	96,250.00	110,000.00
4. Bantuan kepada Sekolah Ugama	25,000.00	23,000.00
5. Bantuan kepada Pelajar Ugama	16,000.00	16,000.00
6. Bantuan kepada Muallaf dan Musafir	8,000.00	5,000.00
7. Saguhati Pegawai Masjid Sukarela	70,000.00	75,000.00
Jumlah	242,940.00	257,90.00

Sumber: Anggaran Perbelanjaan Tahun 1976, Majlis Agama Islam Pahang

IX) Baitul-Mal (Public Treasury)

Baitul-Mal merupakan sebuah institusi dalam sebuah agama Islam dan dipunyai oleh masyarakat Islam seluruhnya dalam negara itu bagi menguruskan wang dan harta kepunyaannya.²³ Institusi ini terletak di bawah kelolaan Pegawai Zakat, iaitu sebahagian daripada Majlis juga.²⁴ Bahagian ini mempunyai perkaitan dengan Pegawai Daerah dalam perbicaraan harta pesaka si mati dan diletak pada bahagian Penyelesai Pesaka Kecil. Sesuatu tuntutan harta boleh dibuat oleh para waris melalui Pegawai Penyelesai Pesaka untuk diselesaikan, dan dipertimbangkan. Pada penentuan bahagian waris-waris itu, pegawai ini akan meminta Kadi menfaraidkannya. Lampiran II(c) dan II(d) menunjukkan contoh bagaimana pihak Penyelesai Pesaka Kecil berhubung dengan Tuan Kadi pada harta yang tidak masuk Baitul-Mal. Sementara lampiran II(e) dan II(f) pula menunjukkan bagaimana dalam penentuan hak itu ada kalanya terpulang kepada Baitul-Mal. Melalui proses inilah bagaimana pihak Majlis memperoleh 'nilai' untuk dijadikan Baitul-Mal.

Kedua-dua surat ini menjadi perbandingan bagaimana dalam keadaan tersebut harta yang pergi ke Baitul-Mal diwujudkan dan menggambarkan pembahagian kepada anak angkat tidaklah ada dari segi hak waris.

23. Mackeen, A.M.M., Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya, monograph Series no. 131, Yale Universities, Southeast Asia Studies, 1969, hal. 40-41.

24. Lihat lampiran II(4), Struktur Pentadbiran Ugama Islam Pahang.

Melalui Jabatan Agama, Guru Pelawat Agama telah dilantik sebagai 'Penyelia Baitul-Mal Daerah' dengan berfungsi menghadiri perbincaraan harta pesaka sebagai wakil Majlis dan waris si mati. Pegawai Zakat dan Penyelia ini cuba menilaikan harta pesaka itu samada boleh dijual atau dikutip hasilnya (jika tanaman). Laporan penilaian diberi kepada Majlis untuk diputuskan dalam mesyuarat Majlis kelak.

Pada tahun 1970 pendapatan dari Baitul-Mal berjumlah \$11,286.68 berbanding dengan tahun 1976 ini cuma \$8,000 sahaja didapati.²⁵ Kemerosotan ini berdasarkan atas beberapa sebab:

- a) Bergantung semata-mata kepada harta si mati yang tidak berwaris. Tidak banyak keadaan ini berlaku dalam masa setahun. Kalau adapun pewaris-pewaris lebih suka menyelesaikannya sesama sendiri dari dibawa ke mahkamah.
- b) Bahagian yang akan diterima itu tidak tentu kuantitinya kerana bergantung kepada lebihan harta sesudah pembahagian (Radd).
- c) Tidak terpengaruh kepada faktor-faktor masa disebabkan ianya tidak boleh dijangkakan.

25. Maklumat Penting, Jabatan Agama Pahang, 1976.

X) Wakaf dan Nazar

Wakaf ialah suatu pemberian yang berupa sebahagian daripada harta atau tanah atau lain-lainnya untuk tujuan yang dibenarkan oleh hukum Islam, tak boleh dijual atau ditukar milik kepada orang lain.²⁶ Nazar merupakan suatu dasar untuk membelanjakan sebahagian dari harta atau lainnya untuk tujuan suci yang dibenarkan oleh Hukum Islam, Ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu Am dan Khas dimana Majlis menjadi pemegang amanah. Walaupun begitu ianya tidak terlibat dalam Kumpulan Wang Khairat Am, tetapi di- kelolakan sebagai kumpulan wang yang berasingan.²⁷ Jika tidak tentu cara penggunaannya akan dimasukkan dalam kumpulan wang khairat iaitu sebagai wakaf dan nazar am.

Seseorang Islam tidak boleh mewasiatkan hartanya lebih daripada $\frac{1}{3}$ hartanya. Oleh itu menjadi tugas kepada Pegawai Zakat untuk menyalasat dan menentukan samada nazar dan wakaf itu sah. Hasil pendapatan dari wakaf dan nazar pada tahun 1976 ialah \$52,330.00.

Kesimpulan boleh dinyatakan bahawa tugas-tugas Pegawai Zakat antara- nya menyimpan rekod amil-amil, pegawai-pegawai masjid dan muallaf. Ia juga berkuasa dalam pengurusan surat kuasa atau tauliah kepada amil-amil, pegawai masjid dan pangakuan muallaf.

26. Ahmad Ibrahim, op-cit., hal. 395-396.

27. Undang-undang Ta'bir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 91(1) & (3).